

Tingkatkan penyelidikan, pembangunan ramuan halal

MALAYSIA perlu memberikan lebih tumpuan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pengeluaran ramuan halal, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

“Semakin banyak negara yang meneroka perniagaan menghasilkan produk akhir pengguna, maka semakin meningkat keperluan untuk ramuan menghasilkannya.

“Kerajaan merasakan ini adalah antara bidang yang Malaysia mempunyai kelebihan.

“Justeru, dengan melakukannya negara boleh menghasilkan semua jenis ramuan untuk menghasilkan produk akhir halal,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2012, di Kuala Lumpur, semalam.

Mengenai sidang kemuncak itu, Mukhriz berkata, program yang diadakan bersempena dengan Minggu Halal Malaysia 2012 itu kali ini diwakili oleh 35 negara seluruh dunia.

Ini, katanya, menunjukkan bertambahnya minat dari kalangan peserta antarabangsa untuk datang ke negara ini bagi mendapatkan maklumat terbaru dalam industri halal.

“Saya menjangkakan sesetengah daripada mereka (yang hadir) akan cuba bekerjasama membentuk pakatan dan seterusnya bersama-sama membangunkan produk,” katanya.

Beliau menambah, logo halal Malaysia kini juga diiktiraf di seluruh dunia dan banyak pihak mengetahui ujian bagi mendapatkan persijilannya itu dilaksanakan secara menyeluruh sama ada membabitkan produk atau perkhidmatan halal.

Sementara itu, Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2012 yang dianjurkan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) menarik 700 peserta termasuk kakitangan R&D, ahli akademik, ahli perniagaan dan peserta industri terdiri daripada sektor makanan serta bukan makanan.

Program selama dua hari itu akan menampilkan 12 penceramah tempatan dan antarabangsa selain disertakan dengan pameran daripada 13 universiti dan syarikat penyelidikan.